

Membongkar Strategi Sindiket Macau Scam

BARU-BARU ini perkataan Macau Scam menjadi tajuk utama dalam kebanyakan media di Malaysia. Laporan media itu rata-ratanya merumuskan bahawa Macau Scam merupakan sindiket penipuan yang melibatkan sejumlah wang yang besar dan didakwa membabitkan banyak pihak.

Paling menarik perhatian apabila Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menggempur beberapa orang individu yang didakwa menjadi dalang utama di balik sindiket ini. Pada 8 Oktober lalu, SPRM menahan 20 orang suspek berhubung siasatan kes Macau Scam, iaitu 11 orang awam dan lapan kakitangan penguat kuasa dan seorang warga China. Hasil siasatan awal, dipercayai aktiviti ini dikendalikan oleh komplot yang besar dan terancang. Rentetan itu, SPRM membekukan sebanyak 730 akaun bank bernilai RM80 juta dan 23 buah kenderaan mewah turut dirampas.

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh pihak polis, pada tahun 2019, terdapat 28 508 kes penipuan dan 18 130 pembukaan akaun yang melibatkan jumlah wang sebanyak RM2.5 bilion. Selain itu lebih 80 ribu akaun kedai milik individu yang membenarkan sindiket menggunakan akaunnya bagi aktiviti penipuan dalam talian berjaya dikesan dari tahun 2019 hingga Oktober 2020. Pembongkaran tersebut membawa lebih banyak siasatan jaringan penipuan di negara ini. Malah pihak SPRM dan polis juga bertekad akan terus menjalankan siasatan dan membongkar lebih banyak dalang yang terlibat.

Persoalannya mengapakah sindiket penipuan ini dikenali sebagai Macau Scam? Macau sememangnya terkenal dalam kalangan jutawan. Hal ini dikatakan demikian kerana banyak peminat judi di dunia mengenali Macau sebagai antara pusat kasino terhebat apabila pusat perjudian di Macau tidak pernah tidur – beroperasi 24 jam sehari. Selain itu, Macau yang merupakan wilayah kecil di selatan China juga dipenuhi dengan lokasi hiburan, pusat beli belah, pemandangan yang indah dan menyimpan tempat bersejarah yang luar biasa.

Pada hakikatnya, tidak jelas mengapakah sindiket penipuan ini dikenali sebagai Macau Scam, namun ada yang mengaitkannya dengan sindiket yang menjalankan modus operandi yang sama seperti jenayah yang berlaku di Macau dan dipercayai juga mangsa pertama sindiket ini berasal dari Macau. Begitu pun, menurut Presiden Polis Antarabangsa (Interpol), Khoo Boon Hui, dalam Persidangan Eropah 2012, apabila sekumpulan penjenayah yang ditahan di Malaysia disiasat, pihak berkuasa mendapati kumpulan penjenayah tersebut menjadikan Macau sebagai titik pusat sindiket penipuan sebelum membina lebih banyak rangkaian jenayah di Malaysia, Kemboja, Indonesia, Filipina dan Thailand.

Sementara itu, menurut Polis Diraja Malaysia (PDRM), sindiket Macau Scam atau *Telecommunication Fraud* ini didalangi oleh warga tempatan dan warga asing yang cuba menipu mangsa dengan membuat panggilan dan mendakwa mereka mewakili sesebuah institusi kewangan. Modus operasinya menggunakan talian antarabangsa dari lokasi di Asia Timur, seperti China, Taiwan Hong Kong dan juga dari dalam negara

Mereka kemudiannya akan cuba memerangkap mangsa dengan menggunakan satu daripada modus operandi mereka, iaitu cabutan bertuah; penipuan culik dan meminta wang tebusan; menyamar sebagai pegawai kerajaan – polis atau pegawai SPRM dan mahkamah; dan menyamar sebagai pegawai bank. Melalui empat modus operandi ini mereka kemudiannya akan cuba mendapatkan maklumat peribadi mangsa seperti nombor akaun, kad debit dan sebagainya. Mangsa yang terpedaya kemudiannya akan menyalurkan segala maklumat mereka termasuk maklumat kewangan dan pada akhirnya mereka akan kerugian ribuan ringgit. Menurut PDRM, semua modus operandi yang

digunakan merujuk jenayah yang sama, iaitu sindiket Macau Scam ataupun *Telecommunication Fraud*.

Pihak berkuasa juga tidak menafikan apabila Kuala Lumpur dijadikan sebagai pusat atau markas sindiket Macau Scam dan judi dalam talian antarabangsa yang menyasarkan rakyat dari pelbagai negara khususnya Malaysia, China dan Hong Kong. Dipercayai sindiket ini juga melindungi tidak kurang daripada 10 sindiket besar di Malaysia. Rata-rata pekerjaannya terdiri dalam kalangan rakyat Malaysia dan China. Hal ini bergantung pada kumpulan sasaran sindiket tersebut. Sementara itu, upah yang diterima adalah cukup lumayan dan risiko ditangkap oleh agensi penguatkuasaan adalah rendah.

Dalam kebanyakan modus operandi sindiket Macau Scam, jenayah ini bermula apabila mangsa mendapat panggilan telefon yang mengatakan kad kredit atau debit si penerima panggilan digunakan di sebuah pusat beli-belah. Mangsa kemudiannya menafikan mempunyai sebarang kad kredit di bank tersebut dan sindiket berjanji akan merujuk Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menyelesaikan masalah tersebut. Beberapa minit kemudian, mangsa akan menerima panggilan telefon daripada pegawai BNM dan meminta semua maklumat peribadi mangsa. Tidak cukup dengan itu, bagi menyekat kad supaya tidak disalahgunakan, mangsa diarahkan pergi ke mesin pengeluaran wang automatik (ATM). Apabila sampai di ATM, mangsa sekali lagi akan menerima panggilan telefon yang memberikan arahan sehingga transaksi selesai. Pada kebiasaannya, mangsa hanya sedar ditipu setelah transaksi pemindahan wang kepada akaun pihak ketiga selesai.

Menurut Presiden Persatuan Pemeriksa Fraud Bertauliah Malaysia, Datuk Seri Akhbar Satar, terdapat lebih 700 buah syarikat digunakan

Bersikap curiga dengan panggilan telefon yang tidak dikenali dan sentiasalah berkongsi maklumat dengan keluarga dan rakan yang terdekat sekiranya dihubungi oleh mana-mana pihak yang tidak dikenali apatah lagi yang meminta maklumat peribadi anda.

Industri Pelancongan Bertahan dan Terus

oleh dalam ini untuk tujuan “mencuci duit” atau pengubahan wang haram termasuk restoran, syarikat pembinaan, syarikat teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), karaoke, kelab malam, pinjaman wang sah dan tidak sah, syarikat penjualan kenderaan import dan sebagainya.

Kajian yang dibuat juga mendapati bahawa sindiket penipuan, termasuk Macau Scam terjadi disebabkan oleh faktor pakatan sulit, iaitu kerjasama antara sindiket dengan “orang dalam” yang dipercayai turut membantu sindiket Macau Scam melebarkan jaringan jenayah di negara ini.

“Apa-apa pun kita masih ada pegawai kerajaan yang berintegriti tinggi dan tegas serta menunjukkan contoh yang baik dalam menangani isu rasuah. Oleh itu, pihak berkuasa hendaklah menyiasat sehingga ke lubang cacing mereka yang terlibat dan mendalangi sindiket Macau Scam dan judi secara dalam talian ini,” ujar Akhbar.

Pada hakikatnya, membanteras sindiket Macau Scam bukan hanya terletak di bahu agensi

penguatkuasaan sahaja. Paling penting, orang ramai perlu mematuhi nasihat pihak berwajib supaya mereka tidak terjebak dalam aktiviti haram ini. Bersikap curiga dengan panggilan telefon yang tidak dikenali dan sentiasalah berkongsi maklumat dengan keluarga dan rakan yang terdekat sekiranya dihubungi oleh mana-mana pihak yang tidak dikenali apatah lagi yang meminta maklumat peribadi anda. Dalam hal ini, orang awam juga perlu segera melaporkan kepada pihak polis sekiranya berhadapan dengan tuduhan terlibat dengan jenayah yang tidak dilakukan. Buatlah rujukan kepada pihak berkuasa. Hentikan sikap mempercayai individu yang tidak dikenali secara dalam talian. Jangan takut terhadap tuduhan jenayah yang tidak dilakukan!

Sindiket Macau Scam yang bersarang di negara kita perlu ditempur habis-habisan oleh semua pihak. Malaysia perlu bebas daripada sindiket yang menjadikan negara ini transit untuk melebarkan jaringan jenayah mereka. Pendedahan dan

tangkapan yang dibuat oleh media baru-baru ini diharapkan mampu membuka mata seluruh rakyat Malaysia agar lebih berhati-hati dan tidak menjadi mangsa seterusnya.

Panduan Berhadapan Sindiket Macau Scam:

- Jangan cemas apabila menerima panggilan yang menuduh anda terlibat dengan sebarang jenayah. Kenapa perlu cemas jika tidak melakukan jenayah?
- Hubungi pihak polis. Tiada nombor untuk dihubungi? Jangan bimbang, anda boleh mendail nombor 999, mudah bukan?
- Jangan sesekali menghubungi semula pemanggil yang mengaku sebagai pegawai bank atau pihak berkuasa. Tutup talian telefon anda dan segera ke bank yang berhampiran.
- Jangan dedahkan sebarang butiran perbankan anda.
- Hubungi keluarga, rakan sepejabat, jiran atau sesiapa yang anda kenali. Ceritakan kepada mereka. ▣